

Tajuk Thesis,
Pengaruh Agama Hindu-Buddha
Dan Kesan Peninggalannya
Terhadap Senibina Candi
Lembah Bujang.

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah di sediakan oleh :

Azman Bin Samsuri.

K.P. ITM. 83702251.

Diploma Senibina Tahun Akhir.


Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur.

Instint Teknologi MARA.

Shah Alam.

Selangor Darul Ehsan.

Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh Encik Abdul Ghani bin Desa selaku penyelia dan penilai.



.....

Encik Abdul Ghani bin Mohd. Desa.

03.03.87

Tarikh.

Isi Kandungan

Kata Pengantar.....	1
Penghargaan.....	2
Sekapur Sireh.....	3
Pendahuluuan.....	4
Sejarah Awal Kedah Tua.....	7
Apakah Agama Hindu-Buddha.....	18
Proses Pengindianan.....	24
Agama Hindu-Buddha di Asia Tenggara.....	28
Sistem Falsafah Dalam Agama Hindu-Buddha.....	33
Pengaruh India Terhadap Politik/Kerajaan.....	37
Apakah Dia Candi?.....	49
Falsafah Senibina Candi.....	51
Sejarah Penyelidikan Awal Arkeologi	:
Lembah Bujang.....	55
Candi Bukit Batu Pahat, Tapak 8.....	63
Candi Pengkalan Bujang, Tapak 15.....	76
Candi Pengkalan Bujang, Tapak 22.....	78
Candi Pengkalan Bujang, Tapak 19.....	79
Candi Pengkalan Bujang, Tapak 21.....	81
Candi Sungai Batu, Tapak 5.....	85
Candi Sungai Batu, Tapak 11/3.....	87
Candi Pendiat, Tapak 16.....	90
Kesimpulan.....	92
Keterangan Bergambar.....	95
Bibliography.....	118

Sekapur Sireh.

Jika didapati dan diselidiki dengan lebih mendalam, didapati bahawa perkembangan tamaddun manusia masakini adalah disebabkan oleh tamaddun dahulu kala yang telah wujud beribu-ribu tahun dahulu. Malah agama Hindu dan Buddha yang mana merupakan agama yang tertua sekali di dunia.

Agama ini datang atau berhijrah dan bertapak di Tanah Melayu seterusnya mengembangkan agama dan kebudayaan mereka. Kesan-kesan senibina yang masih wujud seperti pembinaan candi-candi, biara-biara dan tempat-tempat suci yang lain. Secara tidak langsung senibina-senibina ini merupakan satu objek penghubung kepada tuhan mereka. Ada di antara candi-candi dan tapak-tapak kuil ini masih kekal dan jelas kelihatan hingga ke hari ini.

Pendahuluan

Semenanjung Tanah Melayu, sejak permulaan abad tahun masehi lagi merupakan suatu kawasan di Asia Tenggara yang penting dalam kegiatan perdagangan purba. Kedudukan di tengah-tengah perjalanan di antara Timur dan Barat menyebabkan ramai ahli pelayaran singgah di pelabuhannya. Melalui sumber-sumber asing seperti tulisan taburan wangsa negeri China sejak abad ketiga T.M. lagi. Kita dapat mengetahui sebelum abad kelima atau keenam T.M. lagi telah muncul beberapa negeri purba seperti Tun Sun, Pan-Pan, Chih-tu dan Lang-ya-hsiu di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu serta kawasan pinggirnya di Segenting Kra. Tetapi oleh sebab maklumat yang diberikan tentang kedudukan geografi negeri-negeri purba tidak begitu jelas maka tempat-tempat itu masih tidak dapat ditetapkan lagi.

Walau bagaimanapun adalah jelas bahawa kepentingan negeri-negeri purba itu ada kaitannya dengan jalan perdagangan di antara Timur dengan Barat yang menyebabkan Semenanjung ini menjadi begitu penting pada masa yang silam itu. Kebanyak-an negeri awal itu merupakan tempat persinggahan serta tempat pembekalan bagi beberapa jenis hasil tempatan seperti bijih timah, emas, dan juga hasil hutan seperti gaharu, kapur, damar, gading gajah, tanduk badak, lilin lebah dan kemenyan.

Kepentingan Semenanjung Tanah Melayu dari segi perdagangan purba boleh juga dikesan melalui tingalan-tingalan arkeologi yang terdapat di Perlis, Kedah, Seberang Prai, dan Perak. Antara barang purba yang biasanya ditemui ialah tembikar Cina, beberapa jenis manik-manik dari India atau Timur serta benda-benda pemujaan agama asing terutamanya dari